

Headline	Simunjan pusat tanaman herba		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	03 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	215 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 489
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,466



Tanaman herba jadi sumber ekonomi baharu di Simunjan

# Simunjan pusat tanaman herba

**MOHD SHAFIK AHMAD**

SIMUNJAN, Sabtu — Tanaman herba di Simunjan dikatakan mampu dijadikan salah satu sumber ekonomi baharu di kawasan tersebut di samping meningkatkan sumber pendapatan penduduk.

Pengerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang juga Ahli Parlimen P200 Batang Sadong, Hajah Nancy Shukri berkata, tanaman herba diperkenal sebagai pertanian baharu dan seterusnya menjadikannya sebagai salah satu sumber ekonomi baharu bagi kawasan Batang Sadong.

Menurutnya, terdapat pelb-

agai jenis tanaman di Simunjan, tetapi masih belum mengetahui sama ada tanaman tersebut boleh dikategorikan sebagai herba atau tidak.

“Oleh itu, kami telah bawakan tenaga mahir dan pakar dari Semenanjung (FRIM) dan Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) untuk menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan kepada anda, apakah tanaman yang boleh dijadikan sebagai produk yang mampu memberi pulangan yang lumayan.

“Antaranya ialah tanaman-tanaman yang boleh dijadikan sebagai teh, kopi, minyak dan sebagainya,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Bengkel Interaktif Herba 2013

di Dewan Mesra Simunjan, di sini.

Selain itu katanya, beliau memberitahu bahawa kawasan kediaman penduduk Simunjan masih mempunyai ruang yang mencukupi dan sesuai untuk dijadikan kawasan bercucuk tanam.

“Saya dapati di sini, masih terdapat ruang-ruang di kawasan kediaman dan boleh dijadikan tempat untuk masyarakat melakukan proses bercucuk tanam. “Melalui tanaman herba, saya percaya ia bakal melonjakkan lagi pencapaian sektor pertanian lebih-lebih lagi di sini,” katanya.

Program yang pertama kali diadakan di Simunjan terse-

but bertujuan untuk dijadikan sebagai landasan kepada usaha memperkasa warisan herba tempatan untuk dibangunkan sebagai produk herba yang berkualiti tinggi dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Beliau berharap agar peserta dapat mempelajari dan memperoleh ilmu pengetahuan daripada bengkel yang diadakan kerana ia adalah demi masa depan generasi akan datang untuk menyambung warisan pertanian herba.

Terdahulu, kira-kira 200 orang peserta telah menyertai program anjuran bersama FRIM dan SBC tersebut yang terdiri daripada komuniti setempat di kawasan Simunjan.